

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 26

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan Kementerian untuk menangani kejadian kegagalan sistem komunikasi akibat daripada bencana alam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran (RTM), BERNAMA dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memainkan peranan sebagai penyalur maklumat rasmi kepada seluruh masyarakat dalam sebarang kejadian bencana di seluruh negara.

Jabatan Penerangan adalah penyalur maklumat rasmi kepada pihak media melalui Pusat Media yang dibuka di lokasi kejadian. Pusat Media ini dilengkapi dengan peralatan telekomunikasi yang sesuai untuk

digunakan semasa berlakunya bencana. Jabatan turut juga menggunakan Unit Bergerak untuk membuat hebahan maklumat-maklumat penting kepada penduduk di kawasan bencana dan sekitarnya.

Selain daripada itu, sebagai alternatif kepada sistem telekomunikasi yang digunakan, Jabatan Penerangan Malaysia telah melatih seramai 30 orang pegawai (yang telah diberi lesen) khusus untuk mengendalikan HAM Radio (Radio Amatur) sebagai alat komunikasi semasa berlakunya bencana.

SKMM sentiasa bersiap sedia untuk bekerjasama dengan pemberi perkhidmatan untuk segera membaikpulih perkhidmatan komunikasi yang terganggu serta menyediakan sistem komunikasi sementara. Sistem komunikasi sementara ini boleh dibawa dan dipasang dengan notis singkat di mana-mana kawasan di Malaysia.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6537

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemohon kad pengenalan yang disahkan bukan warganegara khususnya individu yang memohon dengan Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara di kawasan Baram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing adalah mengikut peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, penentuan taraf kewarganegaraan seseorang yang dilahirkan di Malaysia adalah turut berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa semasa seseorang itu dilahirkan.

Sehubungan dengan itu, bagi permohonan kad pengenalan yang disahkan bukan warganegara, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan membuat pertimbangan pengeluaran kad pengenalan berdasarkan kepada dokumen perjalanan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini bersesuaian dengan peruntukan Subperaturan 5(3)(c) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang membenarkan seseorang yang memasuki Malaysia secara sah melalui suatu pas imigresen atau permit yang sah dan dibenarkan menetap di Malaysia bagi tempoh dua belas bulan dan ke atas, untuk dikeluarkan Kad Pengenalan bertaraf Pemastautin Sementara.